

Pangkalan data

UPM memiliki sistem perisian keselamatan multiple

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) kini mempunyai sistem pangkalan data membabitkan maklumat sulit mengenai pelajar dan kakitangan yang selamat dan tidak mudah dicerobohi secara dalam talian kerana sistem elektroniknya mempunyai perisian keselamatan multiple'.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Mohd. Zohadie Bardaie yang memberi jaminan itu berkata, ini kerana pelayan (server) yang berpusat di UPM mempunyai sistem komunikasi sehala dan hanya boleh menerima maklumat tetapi tidak boleh mengeluarkan data.

"Semua maklumat yang dianggap sulit seperti keputusan peperiksaan, akaun pelajar dan data lain yang berkaitan diletakkan dalam pelayan berpusat yang mana maklumat berkenaan hanya boleh dicapai dari dalam universiti," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Dasar Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT) UPM dan Perutusan 2003 di kampus UPM Serdang, Selangor, baru-baru ini.

Turut hadir ialah Ketua Bahagian Teknologi Maklumat (IT) UPM, Rosmi Othman.

Ketika diminta mengulas kejadian laman web Institut Pengajian Komuniti dan Keamanan (Pekka) HYPERLINK <http://www.pekka.upm.edu.my> digodam baru-baru ini dan berlanjutan sehingga seminggu, Mohd. Zohadie berkata, perbuatan tidak bertanggungjawab itu tidak mengganggu sistem maklumat sulit UPM.

Beliau menegaskan, pegawai IT UPM sentiasa menjalankan pemantauan bagi memastikan sebarang pen-

cerobohan secara elektronik dapat dielakkan.

Sementara itu, Rosmi menjelaskan semua laman web yang dibangunkan oleh institut-institut lain di UPM termasuk Pekka diletakkan dalam pelayan berasingan daripada pelayan berpusat yang merupakan pelayan laman web utama universiti tersebut.

Menurutnya, setiap institut yang diletak di bawah pusat tanggungjawab akan diwakili pegawai IT masing-masing bagi mengadakan pertemuan secara berkala dengan Bahagian IT UPM untuk mengemas kini semua sistem maklumat.

"Sebarang masalah berbangkit akan ditangani secara bersama, jadi tidak timbul masalah pencerobohan sistem.


"Lagipun setiap laman web institut UPM yang dibina akan dipantau sendiri oleh web master masing-masing," ujarnya.

Mengulas laman web Pakka yang diceroboh oleh penggodam yang menggunakan nama RekoCLaN, Rosmi berkata pihaknya akan menyiasat perkara itu dalam kadar segera biar pun masalah tersebut tidak menjejaskan sistem utama.

Dalam perkembangan berkaitan, katanya, Bahagian IT UPM juga telah mengenakan beberapa sekatan termasuk menutup 'port' keluar-masuk rangkaian membabitkan capaian laman web seperti muzik dan pornografi.

"Kita tutup 'port' sebegini kerana hendak mengurangkan beban terhadap *bandwidth* UPM yang juga digunakan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.

"Aktiviti muat turun lagu dan imej boleh menyebabkan capaian Internet pembelajaran menjadi perlahan," katanya.



DR. MOHD. ZOHADIE BARDAIE melancarkan Dasar ICT sambil diiringi Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UPM, Prof. Dr. Makhdzir Mardan sempena majlis Perutusan Tahun Baru 2003 di Serdang, Selangor, baru-baru ini.

Semua maklumat yang dianggap sulit seperti keputusan peperiksaan, akaun pelajar dan data lain yang berkaitan diletakkan dalam pelayan berpusat yang mana maklumat berkenaan hanya boleh dicapai dari dalam universiti